



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 24

1hb Disember 2002

*TAMBAHAN No. 123
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 475.

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN
PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (PENGKOMPAUNAN
KESALAHAN) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 24(2)(i) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Pengkompunan Kesalahan) 2002**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2002.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. Kesalahan yang berikut boleh dikompaun oleh Pengawal atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengawal:

- (a) kesalahan di bawah perenggan 7(a), 7(b), 7(d), 7(e), 7(f), 7(h), 7(i), 7(j), 7(k) dan 18(c) Akta;
- (b) kesalahan di bawah subperaturan 5(1A), 5(6), 6(1) dan 7(1) Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 [P.U. (A) 58/89]; dan
- (c) kesalahan di bawah subperaturan 3(2), 4(2), 8(3) dan peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991 [P.U. (A) 23/91].

Cara mengkompaun

3. (1) Setelah menerima maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, mana-mana orang yang dinyatakan dalam peraturan 2 hendaklah mengeluarkan suatu notis untuk mengkompaun kesalahan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah untuk tempoh empat belas (14) hari, dan jika pembayaran penuh jumlah yang ditawarkan itu telah dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya akan diambil terhadap orang itu. Jika tidak, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Pembayaran kompaun

4. (1) Apabila suatu tawaran untuk mengkompaun bagi mana-mana kesalahan telah dibuat dan diterima, pembayaran hendaklah dibuat secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Pengawal Perumahan dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(2) Pembayaran boleh dibuat atau diserahkan sendiri kepada orang yang diberi kuasa untuk membuat tawaran untuk mengkompaun, atau jika dihantar melalui pos, hendaklah dialamatkan kepada Pengawal Perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Blok K, Aras 3, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur.

(3) Setiap pembayaran yang diterima hendaklah dianggap kepunyaan Pengawal Perumahan dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi pembayaran itu kepada orang yang terhadapnya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

JADUAL

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2002

[Peraturan 3]

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:

Adalah menjadi nyata kepada saya, berdasar maklumat/aduan yang diterima bahawa anda telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan perundangan berkaitan
Tarikh Masa pagi/petang*
Tempat

Butir-butir kesalahan:

.....
.....
.....

2. Anda adalah dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang terletak hak pada saya oleh Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Penggompaunan Kesalahan) 2002 saya bersedia, dan menawarkan untuk menggompaun kesalahan itu sebanyak RM

(Ringgit :)
Jika tawaran ini diterima, pembayaran boleh dibuat secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Pengawal Perumahan dan dipalng dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan sendiri kepada saya di alamat berikut:

.....
.....

Pembayaran melalui pos boleh dialamatkan kepada Pengawal Perumahan, Blok B, Aras 3, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur.

Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran dibuat.

3. Tawaran ini akan habis tempoh padaJika pembayaran penuh jumlah yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum tarikh tersebut, prosiding selanjutnya tidak akan diambil terhadap anda berhubung dengan kesalahan ini. Jika tidak, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh

.....

Pengawal/Pegawai Pengkompaun

Pengawal Perumahan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Blok K, Aras 5
Pusat Bandar Damansara
50782 Kuala Lumpur

Saya merujuk kepada notis tawaran untuk mengkompaun dengan rujukan
dan bertarikh Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan
saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama ini wang tunai/kiriman
wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No. * sebanyak
RM (Ringgit :) sebagai penyelesaian penuh
kompaun itu.

Tandatangan:.....
Nama (huruf besar)
.....
Jawatan:
Syarikat:
Alamat:
.....
No. Lesen Pemaju

Tarikh

-
- * Potong yang mana tidak berkenaan.
 - # Ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa untuk mengkompaun yang nama dan jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangannya, jika kompaun ditawarkan oleh pegawai selain daripada Pengawal.

Dibuat 18 November 2002
[KPKT(S) 01/704/86 Jld. 2; PN(PU²)31/IX]

DATO' SERI ONG KA TING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA